

Program Jelajah Ilmu UniMAP Buka Ruang Kerjasama Dengan IPT Turki

Program Jelajah Ilmu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selama lima hari di Turki yang bermula 9-15 Disember 2013 telah membuka ruang kerjasama antara universiti itu dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara berkenaan. Program membabitkan 30 anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/13 bertujuan mendedahkan pelajar dengan sistem pendidikan luar negara di samping membuka ruang kerjasama yang lebih mantap dengan IPT di Turki. Melalui program itu, para pelajar diberi peluang berinteraksi dengan kepimpinan pelajar

di universiti yang dilawati selain melihat dan menilai sistem pendidikan di luar negara.

Delegasi UniMAP telah berkunjung ke Yildiz Technical University (YTU) yang merupakan IPT tersohor di Istanbul serta Fatih University yang merupakan sebuah universiti swasta terkemuka. Dalam kunjungan ke YTU, delegasi UniMAP diberi taklimat oleh Rektornya, Prof Dr Ismail Yuksek mengenai program pengajian yang terdapat di situ di samping meninjau kemudahan makmalnya. Selain itu majlis menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua university turut diadakan.

Di Fatih University pula, pelajar diberi taklimat oleh pegawai program antarabangsanya, Mustafa Yusel mengenai institusi pengajian swasta itu yang turut membuat pengambilan pelajar antarabangsa. Mereka juga turut meninjau kehebatan seni bina Masjid Sultan Ahmed yang lebih dikenali sebagai Masjid Biru yang dibina pada 1609.